



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **TIP Mencari Khusyu' Dalam Sembahyang**

### **(Bahagian Akhir)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **3. Ketika menunaikan sembahyang pusatkan perkara-perkara berikut:**

- i) Meneliti bacaan-bacaan dalam sembahyang, sama ada bacaan itu terdiri dari ayat-ayat al-Qur'an atau selain dari ayat-ayat al-Qur'an iaitu tasbih dan takbir dan doa. Jika boleh, fahami makna bacaan-bacaan tersebut.

Perkara ini amat penting untuk menghadirkan hati dalam sembahyang. Hati mestilah ikut mengetahui segala apa yang kita baca.

- ii) Merasa rendah hati dan rendah diri ketika dalam ruku' dan sujud. Tempoh masa rukuk dan sujud pula elok dipanjangkan.

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

....

( )

**Maksudnya:** *Seseorang hamba paling dekat dengan Tuhannya sewaktu ia bersujud.....*

(Hadis riwayat Muslim)

- iii) Meliputkan hati dengan kebesaran Allah dan kesucianNya ketika bertakbir dan ketika bertasbih pada seluruh gerak-geri dalam sembahyang.
- iv) Meninggalkan segala fikiran dan lintasan hati yang berkaitan dengan urusan dunia.
- v) Segala perhatian dalam sembahyang itu hendaklah tertumpu hanya kepada mendirikan dan menunaikannya dengan yang terbaik sekali.
- vi) Sembahyang dilakukan dalam keadaan *thuma'ninah*. *Thuma'ninah* dalam ruku', sujud dan lain-lain rukun *fi'li* (perbuatan).

*Thuma'ninah* ertinya anggota seseorang itu tetap diam seketika ketika melakukan suatu rukun *fi'li* di dalam sembahyang seperti ruku', sujud dan sebagainya, sebelum beralih ke rukun *fi'li* seterusnya. Sekurang-kurangnya tetap diam seketika dalam tempoh pada kadar bacaan zikir: “ سبحان الله ”.

Maknanya, gerakan di dalam sembahyang itu tidak dilakukan dengan tergapah-gapah, tidak dilakukan dengan bercepat-cepat tetapi dilakukan dengan tenang dan relaks.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ada mengajar kita tentang perkara ini di dalam sabda Baginda:

**Maksudnya:** “Apabila kamu berdiri menunaikan sembahyang maka bertakbirlah. Kemudian bacalah ayat al-Qur’an yang mudah bagi kamu. Kemudian rukuklah sehingga kamu berthuma’ninah dalam keadaan rukuk. Kemudian bangkitlah sehingga kamu berdiri betul. Kemudian sujudlah sehingga kamu berthuma’ninah dalam keadaan sujud. Kemudian bangkitlah sehingga kamu berthuma’ninah dalam keadaan duduk. Kamu buatlah yang demikian itu dalam semua sembahyang kamu.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- vii) Sentiasa melihat tempat sujud sekalipun orang itu buta, sekalipun sembahyang di dalam gelap kecuali ketika membaca perkataan *لا اله الا الله* dalam *tahiyyat*. Pada ketika itu pandangan orang yang sembahyang itu dialihkan ke jari telunjuknya.

Jika memejamkan mata boleh mendatangkan *khusyu‘* dalam sembahyang seseorang itu, maka bolehlah dia berbuat begitu dan hukumnya tidak makruh sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi.

Begitulah beberapa tip yang boleh dijadikan panduan untuk mendapatkan *khusyu‘* di dalam sembahyang. Memang tidak dinafikan, terdapat setengah orang masih tidak mampu memperolehi *khusyu‘* di dalam sembahyangnya walaupun dengan mengamalkan bermacam-macam tip atau panduan. Yang penting tidak mudah berputus asa dan sentiasalah gerakkan diri kita berusaha untuk mendapatkannya. Jangan lupa juga untuk banyak-banyak memohon doa kepada Allah Ta‘ala supaya dikurniakan kepada kita hati yang bersih dan *khusyu‘* dalam beribadat kepadaNya.